

# MyBrainSc ganti Biasiswa Khas Tenaga Akademik Biasiswa baharu untuk pelajar cemerlang sains

Oleh SUHANA MD. YUSOP  
suhana.yusop@kosmo.com.my

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pengajian Tinggi akan melancarkan satu biasiswa baharu dikenali MyBrainSc kepada pelajar-pelajar cemerlang yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Tulen mulai tahun 2012.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, sebanyak RM9.5 juta diperuntukkan bagi biasiswa tersebut yang ditawarkan kepada 200 pemohon membabitkan kuota 150 pelajar dalam negara dan 50 pelajar luar negara.

Menurutnya, MyBrainSc yang menggantikan program Biasiswa Khas Tenaga Akademik (BKTA) terbuka kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan asasi, matriculasi, program-program persediaan, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan lepasan diploma.

"Selain itu, ia juga terbuka kepada calon pelajar ijazah pertama yang cemerlang dalam bidang Sains Tulen iaitu Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75 dan ke atas.

"Mereka yang sedang mengikuti pengajian Ijazah



**MOHAMED KHALED** (kanan) bersama penerima sijil pelepasan pembiayaan kelas pertama PTPN di Putrajaya semalam.

Doktor Falsafah (PhD) atau telah mengikuti pengajian dalam bidang Sains Tulen sama ada dalam negara atau di universiti terkemuka dunia juga boleh memohon," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis perhimpunan bulanan di pejabat kementerian itu di sini semalam.

Pada majlis itu juga, beliau turut menyempurnakan

majlis penyerahan cek pelarasan kos pentadbiran tiga peratus kepada satu peratus (Ujrah) dan pelepasan pembiayaan kelas pertama anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Khaled memberitahu, penawaran biasiswa baharu itu amat signifikan kerana biasiswa JPA hanya memberi fokus kepada bidang profe-

sional iaitu perubatan, pergigian, farmasi dan sebagainya.

Jelasnya, melalui MyBrainSc, ia akan dapat meningkatkan tenaga pengajar dalam bidang Sains Tulen sama ada Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik dan menentukan negara mempunyai tenaga akademik yang berkualiti dan pakar dalam bidang tersebut.